



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**


PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PEMAIN MUZIK (D.3-4 EB.5)
BAHAGIAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEMAIN MUZIK
BAHAGIAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
D.3-4 EB.5 (\$900 - \$1,625 EB KHAS \$1,665 - \$1,825 SEBULAN)
KEKOSONGAN=SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC* Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (*NC*) atau sebanding dalam bidang Muzik atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Lulus Ujian praktikal yang dikendalikan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan;
3. Mempunyai pengalaman bermain muzik dengan sebuah kumpulan / orkestra yang diperakui;
4. Boleh membaca *score music*. Selain daripada itu, berkebolehan / kemahiran dalam menyusun lirik muzik adalah diberikan keutamaan;
5. Boleh bermain alat-alat muzik tradisional dan pancaragam kombo;
6. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan memahami Bahasa Inggeris dengan baik;



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Membuat persembahan kebudayaan di dalam dan luar negeri;
2. Memberikan latihan muzik tradisional dan lagu-lagu Brunei Asli;
3. Mengikuti latihan-latihan bagi meningkatkan kemahiran dari semasa ke semasa;
4. Membuat penyelidikan kebudayaan dan alat-alat muzik tradisional;
5. Menyediakan dan menyusun nota lagu dan lain-lain yang berkaitan;
6. Bermain alat-alat muzik asli/moden;
7. Membuat dokumen laporan kepada Jurulatih Kesenian (Jika diperlukan);
8. Dilibatkan dalam jawatankuasa-jawatankuasa yang berkaitan dengan kebudayaan dan kesenian; dan
9. Tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.